

05 AUG 2003

Putin-Malaysia (Bergambar)/I

KEJAYAAN M'SIA MENINGKATKAN MARTABATNYA, KATA PUTIN

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin berkata kejayaan yang dicapai oleh Malaysia telah meningkatkan martabatnya di peringkat antarabangsa dan menjadikannya antara negara termakmur di Asia Tenggara.

Beliau berkata satu dasar yang mengikut prinsip dan mengambil kira pelbagai aspek yang diamalkan oleh Malaysia sejak bertahun-tahun lepas telah menunjukkan hasil yang ketara.

Russia menyedari dalam tempoh masa yang singkat Malaysia telah mengharungi laluan pembangunan ekonomi dan sosial yang rumit, dan beliau menambah kata negara telah melakukannya tanpa pergolakan sosial yang besar.

"Model ekonomi, sosial dan politik yang diperkenalkan dan dengan penyertaan langsung Datuk Seri Dr Mr Mahathir Mohamad telah membuktikan keberkesannya.

"Sehinggakan dalam tempoh yang singkat berada di negara anda dan dengan mengetahui akan pencapaian rakyatnya meyakinkan lagi akan hakikat itu," kata presiden Rusia itu dalam ucapannya yang diterjemahkan semasa majlis makan malam negara yang dianjurkan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di Istana Negara, di sini, malam ini.

Turut hadir dalam majlis makan malam negara itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, beberapa menteri Kabinet dan diplomat asing dan orang-orang kenamaan.

Presiden Rusia itu berkata Malaysia sentiasa menarik minat Rusia, yang tertarik bukan sahaja dengan keindahan semulajadi tetapi juga persekitaran uniknya.

"Pelayar terkemuka Krusenstern, saintis cemerlang Miklukho-Maklai, dan banyak lagi pengembara dan peneroka Rusia sepakat dalam penilaian mereka akan tatasusila rakyat Malaysia dan mengagumi seni dan kemahiran mereka," katanya.

Menyatakan rasa syukur beliau kerana mendapat peluang ini untuk bertemu Dr Mahathir, Putin berkata pertemuan dengan Perdana Menteri Malaysia kini boleh dikatakan sebagai berjadual.

Kedua-dua pemimpin pernah bertemu di forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Sidang Kemuncak G-8 di Evian baru-baru ini dan semasa lawatan Dr Mahathir ke Moscow pada Mac tahun lepas.

"Dalam hubungan ini saya suka menyatakan bahawa lawatan Dr Mahathir merupakan pencetus kuat bagi menggiatkan lagi hubungan politik dan ekonomi antara kedua-dua negara," katanya.

Presiden Rusia itu berkata anugerah tertinggi negara Russia, "Orden Drusby" (Darjah Setiakawan) yang dianugerahkan kepada Dr Mahathir hari ini merupakan satu lagi bukti akan merit kepimpinan Malaysia dalam pembangunan kerjasama dua hala kedua-dua negara.

Sementara itu Putin mengucapkan selamat tinggal kepada Tuanku Syed Sirajuddin, selepas majlis makan malam negara itu.

Putin tiba di Malaysia semalam bagi lawatan rasmi dua hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong.

Lawatan Putin adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri ke Rusia pada Mac tahun lepas.

Presiden Rusia dan rombongannya kemudian berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, untuk kembali ke Moscow.

-- BERNAMA

HS HS PR